

LAPORAN AKHIR LINTIHAN INDUSTRI DI
JABATAN BELIA DAN SUKAN
NEGERI TERENGGANU

Oleh

ROZILAWATI KAJI MANGSOM
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Inuatar Ekologi Dan Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Perniagaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

LI 79 FPE 1 2005



1100045485
Laporan akhir latihan industri di Jabatan Belia dan Sukan Negeri
Terengganu / Rozilawati Mansor.



PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045485		

Lihat sebelah

MAMMUK
PERPUSTAKAAN KUSTEN

I
P
E
1
5

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI
TERENGGANU**

By

ROZILAWATI HAJI MANGSOR
Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan
Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada


Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Rozilawati bt Haji Mangsor (UK8538) mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan Industri semamata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) , Kustem tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan



Nama : Rozilawati bt. Haji Mangsor

Tarikh : 14 November 2005

Disahkan oleh:



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

Rosyidah Muhamad
Pensyarah
Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia

BIODATA DIRI

Nama : Rozilawati Haji Mangsor (UK 8538)

Tarikh Lahir : 11 Februari 1983

Asal : Kelantan Darul Naim

Alamat Tetap : Lot 690,
Kampung Kekabu Lemal,
17000 Pasir Mas,
Kelantan.

Alamat Semasa : C-14
Rumah Murah Gong Badak,
Lorong Inai 2,
21300 Gong Badak,
Kuala Terengganu
Terengganu.

Hobi : Mendengar radio, menunggang motosikal
dan membaca.

Email : aquarius_zie@yahoo.com

PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh/ salam sejahtera

Syukur kepada kehadiran Ilahi diatas segala keizinan dan kasih sayangNya, akhirnya saya dapat menyelesaikan Laporan Industri (LI) SOS 4299 dengan jayanya. Sepanjang 12 minggu berada di Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu, pelbagai pengetahuan dan maklumat yang saya perolehi di Bahagian Belia iaitu di Unit Pembangunan Sosial.

Ucapan jutaan terima kasih kepada keluarga tercinta yang banyak memberi sokongan dan dorongan kepada semasa menjalani Latihan Industri ini. Dengan limpahan kasih sayang, harapan dan keredhaan mereka saya yakin dapat melakukan yang terbaik. Sesungguhnya keredhaan mereka adalah merupakan sumber inspirasi bagi meneruskan perjuangan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada Penyelia Latihan Industri iaitu Puan Roshidah Mohamad yang banyak memberi panduan dan tunjuk ajar iaitu Cik Norhayati Bt Saat selaku Penasihat Kelab POSESO yang memberi dorongan serta pihak KUSTEM yang memberi kemudahan perpustakaan untuk membuat sebarang rujukan.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada ketua jabatan kerana iaitu Encik Rusli Yusuff kerana memberi peluang untuk menjalankan prasktikum dan tidak lupa juga kepada Penyelia Industri di Unit Pembangunan Sosial yang banyak memberi tunjuk ajar sepanjang 12 minggu iaitu Encik Mohd. Shamsir Mohamad dan kakitangan di Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu. Tanpa bantuan mereka juga, saya tidak dapat mempelajari bagaimana untuk melangkah ke alam pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi telah menetapkan syarat wajib Latihan Industri (SOS 4299) ke atas pelajarnya Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial iaitu sebanyak 6 jam kredit.

Latihan industri merupakan sebahagian syarat kepada pelajar Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi sebelum bergraduat dan dianugerahkan Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial). Latihan industri ini diadakan untuk memberi peluang kepada pelatih belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung sesuatu bidang pekerjaan yang diceburi. Selain itu, pelatih juga berpeluang menimba pengalaman dan mempelajari aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi sesebuah agensi sama ada jabatan swasta, badan berkanun ataupun kerajaan yang terlibat.

Di samping itu, pelajar juga dapat mengetahui dan menilai kriteria-kriteria tertentu yang perlu ada pada diri seseorang individu supaya dapat memajukan diri sendiri dan masyarakat persekitarannya. Keadaan ini dapat memberikan pengalaman pertama kepada pelajar di alam pekerjaan seperti etika, budaya, dan sebagainya. Selain itu Latihan Industri juga dapat memupuk keyakinan diri yang tinggi dalam diri para pelajar khususnya dalam kemahiran berkomunikasi,

membuat perancangan dan keputusan selaras sebagai seorang pelajar Sarjana Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial.

Pelatih telah menjalani latihan industri di Bahagian Belia iaitu Unit Pembangunan Sosial di Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu dalam tempoh 12 minggu bermula dari 20 Mac 2005 hingga 11 Jun 2005. Antara objektif latihan industri ialah memberi pengalaman dan kemahiran asas professional pekerjaan yang berkaitan supaya pelatih dapat mengaplikasikan teori yang dipelajari dengan realiti suasana pekerjaan. Selain itu, dapat menggalakkan pelatih memahami kepentingan pembelajaran berterusan, disamping membolehkan pelatih mempraktikkan kemahiran berkomunikasi yang telah dipelajari sepanjang pengajian. Memberi peluang kepada pelatih menunjukkan kebolehan dalam bidang pekerjaan yang lebih professional dan memberi ruang kepada majikan dalam proses membangunkan bakal graduan Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM).